



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## SEMPENA

MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM LARIAN OBOR  
ASIA PACIFIC MASTERS GAME 2018  
PERINGKAT SEBERANG PERAI

## TARIKH / MASA / TEMPAT

31 OGOS 2018 (JUMAAT)  
7.30 MALAM

RUANGAN HADAPAN LOBI  
MENARA MPSP  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTA JAM

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berbahagia Commissioner of Police (CP) Dato' Thaiveegan A/L Arumugam**

Ketua Polis Negeri Pulau Pinang Ibu Pejabat Polis Kontinjen

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Wakil-Wakil Daripada Agensi-Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan**

**Para Peserta Larian Obor**

**Rakan - Rakan Media**

**Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam majlis makan malam ini di Hadapan Lobi Menara MPSP pada malam yang berbahagia ini. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Exco, Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Ketua Polis Negeri Pulau Pinang serta semua tetamu sekalian yang hadir bersama-sama untuk memeriahkan majlis makan malam ini.

**Yang Berhormat-Yang Berhormat / Yang Berbahagia Dato' / Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

*Asia Pacific Masters Games (APMG)* adalah merupakan kejohanan acara pelbagai sukan yang dianjurkan empat tahun sekali dengan pertama kali diadakan pada tahun 1985 di Toronto, Canada. Tahun ini, buat julung kalinya, Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah kepada APMG yang merupakan satu kejohanan sukan bertaraf antarabangsa. Kejohanan sukan ini akan bermula pada 7 hingga 15 September 2018.

Larian Obor APMG 2018 pula adalah merupakan satu lambang promosi Kejohanan APMG 2018 di mana obor akan diarak di seluruh Malaysia sebelum dibawa masuk ke Majlis Perasmian Kejohanan APMG 2018. Larian Obor APMG 2018 dianjurkan bersama oleh Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dan buat pertama kalinya, melibatkan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dari semua negeri di Malaysia yang berganding bahu dengan semua agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat tempatan mahupun pelancong untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan. **Larian Obor** ini pasti menjadi tumpuan orang ramai dan mencatat sejarah di negara kita, **Malaysia**.

Larian Obor APMG 2018 ini mengambil masa selama 99 hari sejauh 3,908 km yang melibatkan hampir 15,000 peserta dan merangkumi keseluruhan negeri di seluruh Malaysia bermula di Kudat, Sabah pada 28 April 2018 dan berakhir di Pulau Pinang pada 8 September 2018 di Padang Kota Lama (Esplanade Field). Larian Obor APMG 2018 ini sedang dalam larian peringkat terakhir di Seberang Perai dengan penerimaan obor pada pagi hari ini di Sungai Bakau sehingga penyerahan kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 2 September 2018 di Pantai Bersih Bagan Ajam.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama penuh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pihak swasta telah mengaturkan banyak acara-acara menarik yang melibatkan kesemua lapisan masyarakat di sepanjang laluan larian obor di Seberang Perai dari 31 Ogos 2018 sehingga 2 September 2018. Ini menggambarkan gandingan bahu yang erat di kalangan agensi kerajaan, swasta dan masyarakat tempatan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dan kesukanan. Tahniah dan Syabas saya ucapkan!!!

**Yang Berhormat-Yang Berhormat / Yang Berbahagia Dato' / Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Saya cukup kagum dan hormat kepada kesemua pihak yang terlibat serta peserta larian obor, atas dedikasi dan kerjasama anda semua untuk teruskan acara yang penuh bermakna ini walaupun masing-masing sibuk dengan tugas lain, terutamanya pada Hari Sambutan Kemerdekaan Malaysia ke 61 hari ini.

Sebanyak agensi kerajaan dan pihak swasta terlibat dan bekerja keras dalam menjayakan dan memeriahkan **Larian Obor** di Seberang Perai Inilah semangat perpaduan yang dilaungkan. Kita di Seberang Perai menyahut

cabaran untuk membuktikan bahawa kita dapat bangkit bersama di platform sukan tanpa kira kaum, bangsa, agama dan latar belakang politik.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua agensi kerajaan, swasta dan masyarakat setempat yang memberikan kerjasama dan sokongan padu untuk menjayakan Larian Obor APMG 2018. Ini termasuklah:-

1. YB Phee Boon Poh  
EXCO Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar
2. YB Kasthuriraani A/P Patto Ahli Parlimen Batu Kawan
3. YB Zulkifli Bin Ibrahim ADUN Sungai Aceh
4. YB Goh Choon Aik ADUN Bukit Tambun
5. YB Tuan Gooi Hsiao Leung ADUN Bukit Tengah
6. YB Jason H'ng Mooi Lye ADUN Jawi
7. YB Satees A/L Muniandy ADUN Bagan Dalam
8. YB Soon Lip Chee ADUN Bagan Jermal
9. Ahli Majlis - Ahli Majlis MPSP
10. Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP
11. Pegawai-pegawai MPSP
12. Wira Oren MPSP
13. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM)
14. Polis Diraja Malaysia (PDRM)

15. Bomba
16. Agensi Penguatkuasaan Marin, Polis Marin
17. Jabatan Laut Malaysia
18. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
19. Ketua Polis Negeri Pulau Pinang
20. Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang
21. Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)
22. Pengarah Angkatan Pertahanan Negeri Pulau Pinang
23. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT)
24. Sek Kebangsaan Sungai Bakau
25. Stesen Keretapi Tanah Melayu Padang Lalang
26. Nibong Tebal Chinese Recreation Club (NTCRC)
27. Nibong Tebal Mountain Bike Club (NTMBC)
28. Pasukan Berbasikal G Club
29. Vinama Club (Motorbike)
30. Gloden Highway Auto
31. Paramount Property
32. Pasaraya C-Mart
33. Residensi Merbok
34. Design Village

**Yang Berhormat-Yang Berhormat / Yang Berbahagia Dato' / Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Akhir kata, saya berasa amat gembira dan rasa bersyukur kerana Program Larian Obor APMG 2018 berjalan lancar dengan kerjasama semua pihak. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian para tetamu dan hadirin sekalian ke majlis makan malam ini.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**